

## **ABSTRAK**

### **Masyarakat Cina di Selatan Vietnam Dalam Abad ke-17 Hingga Abad ke-18**

Penghijrahan orang Cina ke selatan Vietnam dapat dikesan sejak dinasti Han apabila Maharaja Han Wu Ti (140BC - 87BC) menghantar Jeneral Lu Po-te untuk menakluki Nan Yueh (Vietnam atau Nam-Viet) pada tahun 111BC. Akibatnya, Nam-Viet menjadi sebahagian daripada empayar China sehingga tahun 938M. Sejak daripada waktu itu, orang Cina mula berhijrah ke Vietnam setiap kali ada pergolakan politik di China. Penghijrahan orang Cina ke selatan Vietnam secara besar-besaran berlaku selepas kejatuhan dinasti Ming pada tahun 1644.

Penghijrahan orang Cina ke selatan Vietnam selepas kejatuhan dinasti Ming telah memberi kesan yang mendalam dalam sejarah dan perkembangan demografi di selatan Vietnam. Ini adalah kerana penghijrahan orang Cina ke selatan Vietnam pada abad ke-17 berlaku serentak dengan perluasan kuasa politik oleh pemerintah Nguyen ke selatan Vietnam. Pemerintah Nguyen telah menggunakan imigran Cina ini untuk membantu beliau dalam perluasan kuasa politik dan tanah jajahan di selatan Vietnam.

Kajian ini mengkaji faktor-faktor yang mendorong majoriti orang Cina memilih membuat kawasan petempatan di selatan Vietnam dan bukannya di utara Vietnam. Kawasan petempatan orang Cina di selatan Vietnam bertumpu di Hue, Hoian, Saigon, Cholon dan Dataran Mekong. Kajian ini juga mengkaji hubungan antara pemerintah Nguyen dengan imigran Cina di selatan Vietnam dengan berfokus pada dasar kerajaan China dan kerajaan selatan Vietnam terhadap isu penghijrahan orang Cina ke selatan

Vietnam. Selain itu, kajian ini juga mengkaji strategi para pemerintah Nguyen menggunakan imigran Cina ini untuk mencapai matlamat mereka dalam usaha meluaskan kuasa politik mereka di tanah baru orang Champa dan orang Khmer.

Kajian ini mengkaji hubungan antara orang Cina dengan masyarakat tempatan dan bagaimana hubungan tersebut membantu mewujudkan komuniti kacukan yang dikenali sebagai komuniti Minh Huong dan komuniti Thanh Ha di selatan Vietnam. Di samping itu, peranan orang Cina dalam bidang politik, ekonomi dan sosial di selatan Vietnam juga akan diteliti. Kajian ini juga mengkaji bagaimana orang Cina berusaha memelihara dan mengekalkan budaya mereka di selatan Vietnam.

Kajian ini penting dalam tiga aspek. Yang pertama, setakat ini belum ada kajian khusus tentang sejarah orang Cina di selatan Vietnam. Oleh yang demikian, kajian ini akan memberi gambaran yang lebih menyeluruh tentang sejarah Vietnam. Yang kedua, kajian ini mengkaji peranan orang Cina terutamanya dalam usaha membantu pemerintah Nguyen mencapai matlamat beliau dalam perluasan kuasa di selatan Vietnam. Maka, hubungan antara orang Cina dan orang Vietnam akan diteliti juga. Yang ketiga, dengan mengkaji kedudukan dan reaksi orang Cina dalam hubungan mereka dengan masyarakat tempatan, kajian ini akan membekalkan dimensi baru kepada penulisan sejarah orang Cina di selatan Vietnam secara khasnya dan kepada sejarah Asia Tenggara secara amnya.